



Dikemaskini pada 15 Oktober 2020

## AKAUN SIMPANAN PREMIUM HONG LEONG TERMA DAN SYARAT (“T&S”)

Terma dan syarat ini hendaklah dibaca secara keseluruhan bersama-sama dengan [Terma dan Syarat Am Akaun bagi Deposit dan Deposit Perbankan Islam](#), mana-mana terma dan syarat berkenaan yang mungkin dikenakan oleh Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalender, di samping peraturan-peraturan lain yang mengikat ke atas HLB.

### **KELAYAKAN**

1. **Akaun Simpanan Premium Hong Leong (“Akaun”)** terbuka kepada pelanggan-pelanggan individu termasuk warga Malaysia dan Pemastautin bukan warga Malaysia berumur **lapan belas (18)** ke atas, sama ada atas nama tunggal atau nama bersama (“Pemegang Akaun”).
2. Empunya Tunggal, Perkongsian, Amalan Profesional, Kelab, Pertubuhan, Persatuan, Sekolah, Perbadanan, Organisasi Bukan Untung dan entiti perniagaan yang lain tidak layak membuka atau mengendalikan Akaun tersebut.

### **PEMBUKAAN AKAUN**

3. Deposit hendaklah disimpan selama tiga puluh satu (31) hari atau sehingga **satu ratus tujuh puluh sembilan (179)** hari atau apa-apa jangka masa lain yang ditentukan oleh HLB pada bila-bila masa dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalender terlebih dahulu.
4. Deposit permulaan minimum untuk membuka Akaun ini ialah **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000)** bagi setiap pelanggan atau apa-apa amaun lain yang ditentukan dan/atau dipinda oleh HLB pada bila-bila masa dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalender terlebih dahulu.
5. Deposit tambahan minimum ke dalam Akaun ini ialah **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000)** bagi setiap pelanggan atau apa-apa amaun lain yang ditentukan dan/atau dipinda oleh HLB pada bila-bila masa dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalender terlebih dahulu
6. Amaun deposit maksimum ialah **Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000)** bagi setiap pelanggan atau apa-apa amaun lain yang ditentukan dan/atau dipinda oleh HLB pada bila-bila masa dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalender terlebih dahulu.
7. Penempatan deposit ke dalam Akaun ini hanya boleh melalui pemindahan dana dari Akaun Simpanan atau Semasa (“CASA”) Hong Leong yang sedia ada Pemegang Akaun yang mempunyai nama yang sama ada atas nama tunggal atau bersama.
8. Bagi mengelakkan keraguan, pemindahan dana dari akaun pihak **ketiga (3)** ke dalam Akaun adalah tidak dibenarkan.
9. Pemegang Akaun yang tidak mempunyai CASA hendaklah membuka Akaun Semasa atau Simpanan serentak dengan pembukaan Akaun tersebut untuk memudahkan pindahan deposit.
10. Buku akaun, kad debit atau buku cek tidak disediakan bagi Akaun ini.



### **MAKLUMAN SIMPANAN**

11. HLB akan mengeluarkan slip makluman bagi setiap transaksi kepada Pemegang Akaun.
12. Slip makluman akan mempunyai tandatangan penandatangan yang dibenarkan bagi HLB.
13. Slip makluman bukanlah suatu dokumen hak milik dan hanya berfungsi sebagai bukti deposit. Makluman ini juga tidak boleh niaga, tidak boleh pindah milik dan tidak boleh serah hak.

### **FAEDAH**

14. Faedah dikira dan diakru setiap hari berdasarkan baki penutup setiap hari dan dikreditkan secara automatik pada tarikh matang bersama dengan jumlah pokok ke dalam CASA pilihan.
15. Bagi apa-apa pengeluaran awal deposit sama ada secara sukarela atau bukan sukarela, syarat-syarat berikut akan dikenakan atas amaun yang dikeluarkan:
  - (a) Tiada faedah akan dibayar jika deposit itu dikeluarkan sebelum menyempurnakan **lima belas (15)** hari dari tarikh deposit.
  - (b) 1/3 daripada faedah akan dibayar jika deposit itu dikeluarkan pada **hari ke-lima belas** dari tarikh deposit atau selepasnya.

### **PENGELUARAN**

16. Pengeluaran mana-mana amaun deposit sebelum tarikh matang akan dibenarkan hanya apabila ditunjukkan dokumen pengenalan diri Pemegang Akaun yang boleh diterima oleh cawangan bank asal HLB.
17. Pengeluaran tidak boleh dibuat daripada Akaun melalui debit terus atau mengikut arahan tetap. Semua dana yang dikeluarkan akan dikreditkan ke dalam CASA pilihan Pemegang Akaun.
18. Pengeluaran sebahagian amaun deposit tidak dibenarkan

### **UMUM**

19. Pemegang Akaun hendaklah menanggung sendiri segala cukai, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan pembukaan Akaun ini.
20. HLB mempunyai hak pada bila-bila masa dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau mengubah terma dan syarat yang terkandung di sini, sama ada keseluruhan atau sebahagiannya menurut budi bicaranya yang mutlak dengan menyiarkannya dalam laman web HLB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB. Pemegang Akaun bersetuju untuk mengakses laman web dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma dan Syarat dan menentukan supaya sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada terma dan syarat.
21. Terma dan Syarat akan tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pemegang Akaun bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.

**Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.**